

Bekas SUSK bekas menteri didakwa

Libatkan rasuah berjumlah RM3.1 juta berkaitan projek perkhidmatan pelancongan

Oleh ROSALWANI CHE SOH

KUALA LUMPUR

Seorang bekas setiausaha sulit kanan kepada bekas menteri pelancongan dan tunangnya didakwa di Mahkamah Sesyen semalam berhubung pertuduhan rasuah RM3.1 juta berkaitan projek perkhidmatan pengiklanan pelancongan.

Mohd Saifullah Mohd Minggu@Mohd Hisham, 29, didakwa dengan 18 pertuduhan manakala Nurfadziana Abdul Kadir, 28, didakwa dengan satu pertuduhan, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan masing-masing yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Azman Ahmad.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke-18, Mohd Saifullah sebagai setiausaha sulit kepada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya didakwa telah meminta dan menerima suapan daripada Ronold Seto Kong



Mohd Saifullah (kiri) dan Nur Fadziana ketika keluar dari mahkamah semalam.

Seng iaitu pemilik Syarikat Inter Bev Network Sdn. Bhd.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri, Kementerian Pelancongan di Putrajaya, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Jalan Sultan Ismail, Vipod Residence di Jalan Kia Peng serta di Coffee Bean dan Red Box di Pavilion Jalan Bukit Bintang di sini antara 19 Januari hingga 29 Julai 2019.

Sementara itu, Nur Fadziana pula didakwa atas satu pertuduhan bersubahat dengan Mohd Saifullah dengan menerima suapan iaitu wang tunai berjumlah

RM232,000.

Hakim Azman membenarkan Mohd Saifullah diikat jamin sebanyak RM200,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah serta dikehendaki melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Nur Fadziana pula dibenarkan diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan passport tertuduh juga diserahkan kepada mahkamah.

Hakim Azman menetapkan sebutan pada 23 September depan.